



CHE RANI CHE DIN | BERITA HARIAN

NAK TAHU: Dr Mahathir mencuba kenderaan yang dijadikan alat pembelajaran kemahiran selepas merasmikan Dewan Besar Kolej WIT di Klang, semalam.

Kerja gigih, belajar tanpa jemu untuk maju

BH - 26/1/2006

KLANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak terus gigih bekerja bagi memajukan negara, sekali gus menandingi negara Barat.

Katanya, negara maju dapat memakmurkan rakyatnya menerusi pertambahan pendapatan dan pembangunan tetapi rakyat terlebih dulu perlu memiliki kemahiran dan kecekapan.

Beliau berkata, rakyat perlu belajar sepanjang masa bagi mencapai kemahiran kerana sifat ilmu tidak

statik, sebaliknya ilmu perlu berkembang mengikut peredaran zaman.

"Kita mesti belajar seumur hidup kerana setiap masa ilmu bertambah dan kita kena kejar ilmu itu. Jika tidak, kita akan ketinggalan berbanding orang lain.

"Kemahiran pula memerlukan kerja berulang tanpa jemu sehingga cekap. Bila sudah cekap, lama-lama buat kerja, pejam mata pun boleh," katanya ketika merasmikan Dewan Besar Kolej WIT di Pandamaran di sini, semalam.